

Perangi habis-habisan ubat, minuman, kosmetik tiruan

Baru-baru ini banyak dilaporkan melalui media massa mengenai minuman kopi campuran tradisional yang dikatakan dicampurkan dengan bahan-bahan sampingan yang membahayakan kesihatan pengguna seperti perangsang seks (sildenafil) yang mempunyai kesan sama dengan ubat viagra. Penggunaan bahan yang diklasifikasikan racun berjadual itu tentu mengancam pengguna kerana boleh membawa maut.

Kes maut minum kopi campuran tradisional

Sumber Kementerian Kesihatan Malaysia ada melaporkan melalui media minggu lalu mengenai kes seorang pegawai keselamatan yang dilaporkan maut selepas minum kopi campuran tradisional dipercayai mengandungi bahan racun berjadual *Sildenafil Analog* yang memberi kesan yang seakan-akan sama dengan viagra yang selalunya memerlukan preskripsi serta pengawasan doktor.

Selain daripada kopi, ada juga laporan mengenai beberapa jenis ubat tradisional tertentu yang mengandungi racun berjadual,

termasuk bahan aktif perangsang seks yang boleh memudaratkan pengguna. Bagi melindungi pengguna, sampai masanya pihak yang bertanggungjawab mengambil langkah lebih tegas bagi membendung masalah ini daripada berterusan berlaku di dalam negara kita tanpa kawalan. Pihak Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Perkhidmatan Farmasi serta Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan hendaklah sentiasa proaktif dalam menguatkuasakan akta sedia ada seperti Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Ubat 1956 (Iklan dan Penjualan) bagi membendung masalah terbabit. Usaha berterusan hendaklah diambil bagi memerangi habis-habisan penjualan ubat, makanan dan minuman kesihatan serta kosmetik tidak berdaftar, palsu serta berbahaya ini yang berselindung di sebalik nama herba atau bahan asli.

Produk palsu ini memungkinan timbul pelbagai komplikasi kerana produk itu tidak menepati syarat pembuatan ubat selamat



Penguat kuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan memeriksa ubat tiruan mengandungi steroid dalam serbuan di Taman Cengal, Butterworth. [FOTO ROSLI AHMAD/BH]

yang telah ditetapkan kerajaan. Malah, ia mungkin dihasilkan tanpa melalui pemeriksaan rapi sepatutnya. Ia juga mungkin mengandungi bahan tidak aktif, ramuan terlalu kuat atau belum dikaji selain mungkin disediakan dalam persekitaran kotor.

Beberapa tahun dahulu, kerajaan ada mengemukakan cadangan untuk memperkenalkan akta khusus bagi membendung masalah terbabit diberi nama Akta Farmasi yang jika diluluskan

akan memperuntukkan hukuman lebih berat serta denda yang tinggi berbanding dengan akta sedia ada yang boleh diambil terhadap syarikat serta individu yang mengeluarkan, mengedar dan menjual ubat tiruan serta menggunakan bahan menjejaskan kesihatan.

Melalui penguatkuasaan akta terbabit juga Kementerian Kesihatan boleh bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ba-

gi memantau penjualan bahan makanan, minuman, ubat tiruan dan produk kosmetik tidak berdaftar secara online yang disyaki mengandungi racun berjadual dikawal penggunaannya seperti *steroid*, *sildenafil* (ubat kuat lelaki), *tadalafil*, *verdanafil*, *sibutramine* dan lain-lain.

Banyak dijual di pasaran terbuka

Hakikatnya penjualan ubat palsu serta bahan perangsang yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna ini mudah didapati. Selain dijual di pasaran terbuka, ia turut boleh didapati melalui penjualan di internet. Lebih rumitkan keadaan apabila pemalsuan turut 'dijelmakan' dalam bentuk lain seperti makanan tambahan dan minuman kesihatan.

Justeru, penting bagi mengingatkan orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan apa yang ditawarkan tanpa memeriksa produk dengan pihak bertaualiah. Kementerian Kesihatan juga hendaklah terus memberi penerangan kepada semua pihak mengenai bahayanya menjual produk tiruan serta penggunaan bahan perangsang yang dilarang untuk kebaikan semua.

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)